

15 DEC 1997

KOFI ANNAN TEMUI ANGGOTA PERSATUAN PBB M'SIA

KUALA LUMPUR, 15 Dis (Bernama) -- Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) menemui anggota Persatuan PBB Malaysia (UNMA) pada satu majlis makan tengahari di sini hari ini, hari kedua lawatan empat harinya ke Malaysia.

Yang hadir ialah presiden UNMA, Tengku Ahmad Rithauddeen, timbalan presiden Tan Sri Khir Johari, anggota-anggota majlis persatuan dan penasihat termasuk bekas timbalan perdana menteri Tan Sri Musa Hitam.

Annan, yang diiringi oleh isterinya Nana, berkata beliau bergembira dapat bertemu dengan anggota UNMA. Persatuan itu, katanya, penting untuk PBB.

Beliau dijadualkan menemui Perdana menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan pemimpin-pemimpin Asean yang lain lewat hari ini. Para pemimpin Asean berada di sini kerana menghadiri Sidang Kemuncak Tidak Rasmi Kedua Asean yang bermula hari ini.

Jurucakap PBB, Juan Carlos Brandt, berkata dalam satu temu bual melalui telefon dengan Bernama minggu lepas bahawa lawatan Annan ke Kuala Lumpur adalah penting kerana ia membuktikan pengiktirafan sumbangan Malaysia kepada PBB.

Annan dijadualkan mengadakan sidang berita di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah Airport pada hari Rabu di akhir lawatannya.

-- Bernama

azz WAT